

Paras gaji kehidupan wajar RM3,100 sebulan rasional

Kadar wajar dijadikan rujukan minimum hadapi peningkatan kos sara hidup

Oleh Mahanum Abdul Aziz
mahanum_aziz@bh.com.my

Paras gaji kehidupan wajar minimum sebanyak RM3,100 sebulan boleh dianggap munasabah dalam persekitaran kos sara hidup yang semakin meningkat, menurut penganalisis.

Paras minimum itu disifatkan wajar menjadi penanda aras minimum supaya rakyat yang bekerja sepenuh masa masih mampu menjalani kehidupan yang bermaruah.

Pensyarah Kanan Universiti Teknologi MARA (UITM), Dr Mohamad Idham Md Razak, berkata paras gaji kehidupan wajar minimum sebanyak RM3,100 sebulan boleh dianggap munasabah dalam keadaan ekonomi semasa kerana mengambil kira peningkatan kos sara hidup, inflasi, harga makanan, perumahan, pengangkutan dan keperluan asas yang semakin meningkat.

Beliau berkata, walaupun kadar inflasi keseluruhan Malaysia menunjukkan trend yang lebih se-

derhana berbanding tempoh pasca pandemik, inflasi bagi barangan dan perkhidmatan tertentu masih memberi tekanan kepada isi rumah, khususnya di kawasan bandar.

Justeru, katanya, paras itu wajar dijadikan rujukan minimum untuk membolehkan pekerja memenuhi keperluan asas serta mencapai taraf hidup yang lebih bermaruah.

"Paras RM3,100 juga sesuai dijadikan penanda aras dalam usaha meningkatkan lantai pendapatan isi rumah, namun ia tidak seharusnya dilihat sebagai satu angka yang statik atau terpakai kepada semua keadaan.

"Penanda aras ini perlu disokong peningkatan produktiviti pekerja, pelaburan dalam kemahiran, pertumbuhan ekonomi yang mampan serta keupayaan majikan.

"Dengan pendekatan seimbang, ia mampu mengurangkan jurang pendapatan, meningkatkan kuasa beli rakyat dan merangsang permintaan domestik tanpa menjejaskan daya saing ekonomi negara," katanya kepada BH.

Menurut Laporan Kemajuan Program Pengaktifan dan Reformasi Syarikat Berkaitan Kerajaan (GEAR-up) 2026, lebih sembilan daripada setiap 10 pekerja tetap

warga negara dalam ekosistem syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) menerima gaji kehidupan wajar sekurang-kurangnya RM3,100 sebulan.

Sehingga Disember 2025, seramai 189,817 pekerja atau 91.7 peratus daripada keseluruhan 206,987 pekerja tetap warga negara dalam ekosistem berkenaan menerima gaji pada atau melebihi paras itu.

Penanda aras RM3,100 berkenaan dikemas kini setiap tahun mengikut perubahan kos sara hidup berdasarkan penyelidikan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

Mengulas lanjut, Mohamad Idham berkata, sekiranya semakan gaji dibuat secara tahunan, kadar kenaikan yang wajar ialah sekurang-kurangnya selaras atau

sedikit melebihi kadar inflasi tahunan, iaitu sekitar 3.0 hingga 5.0 peratus, bergantung kepada prestasi ekonomi dan produktiviti.

Beliau berkata, pendekatan itu penting bagi memastikan pendapatan sebenar pekerja tidak terhakis akibat kenaikan kos sara hidup.

Katanya, pada masa sama, semakan berkala yang mengambil kira inflasi, pertumbuhan produktiviti dan keadaan pasaran buruh akan mewujudkan sistem

penggajian yang lebih adil, mampan dan bertindak balas terhadap perubahan ekonomi.

Bukan jumlah 'mewah'

Sementara itu, Penganalisis Ekonomi dari UniKL Business School, Prof Madya Dr Aimi Zulhazmi Abdul Rashid, berkata paras RM3,100 bukan jumlah yang 'mewah', namun ia adalah kiraan asas bagi sewa, makan, pengangkutan, anak dan sedikit simpanan di bandar seperti Kuala Lumpur, Selangor dan Pulau Pinang.

Beliau berkata, dengan inflasi makanan dan sewa rumah yang naik tiga hingga empat peratus setahun, RM3,100 hari ini bersamaan kuasa beli RM2,500 pada 2020.

"Justeru, paras ini perlu untuk memastikan pekerja tidak jatuh ke dalam kemiskinan bekerja," katanya.

Bagi menentukan semakan gaji tahunan, Aimi Zulhazmi mencadangkan menggunakan formula 'inflasi dan kenaikan produktiviti'.

Beliau berkata, jika inflasi 3.0 peratus dan produktiviti naik 2.0 peratus, maka semakan tahunan wajar sekitar 4.0 peratus hingga 5.0 peratus.

"Bagi RM3,100 bermakna kenaikan RM120 hingga RM150 setahun. Tanpa semakan automatik begini, gaji akan 'haus' dimakan inflasi setiap tahun. Jika tidak, situasi gaji 2026 sama macam 2022, tetapi harga barang naik 20 peratus," katanya.



Mohamad Idham